

4 October 2007

PUTRAJAYA

Syarikat pengangkutan awam memohon untuk menaikkan kadar tambang antara 100 hingga 600 peratus mulai tahun depan dengan alasan kos operasi yang semakin meningkat.

Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Datuk Markiman Kobiran berkata, tuntutan itu adalah untuk semua jenis pengangkutan awam.

Sehubungan itu, katanya, kadar tambang baru untuk semua jenis pengangkutan awam akan diumumkan pertengahan tahun depan selepas mengambil kira kos operasi itu.

Kita tidak akan terima bulat-bulat pandangan mereka. Banyak penilaian perlu dibuat tetapi kita juga mengambil kira kenaikan kos operasi terutamanya bahan api yang mencecah sehingga 60 peratus.

Kadar tambang baru akan datang bukan sahaja melambangkan kepada kos yang mesti ditanggung oleh penumpang tetapi ia juga mesti menggambarkan bagaimana pengusaha itu sendiri boleh meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan mereka, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kursus kesedaran pemandu bas ekspres sempena musim perayaan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di sini, hari ini.

Katanya, semakan tambang baru pengangkutan awam itu akan dilakukan serentak untuk bas ekspres, bas sekolah, bas henti-henti dan teksi.

Ini kerana penumpang bas ekspres, bas sekolah, bas henti-henti dan teksi adalah berlainan antara satu sama lain.

Semakan secara serentak lebih praktikal kerana kalau sekarang kita kaji teksi enam bulan akan datang bas pula, lepas itu teksi terasa nak naikkan lagi, jadi elok kita buat seragam semua sekali dan gunakan ia sebagai ukuran, katanya.

Beliau berkata, semakan kadar tambang untuk pengangkutan awam adalah setiap lima tahun tetapi ia boleh dipercepatkan mengikut keperluan semasa.

Markiman berkata, kali terakhir semakan semula tambang bas dan teksi dilakukan pada 2005.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, isu pembayaran gaji pokok serendah RM250 kepada pemandu bas berlaku disebabkan oleh tindakan pengusaha memajakkan perkhidmatan mereka kepada pihak ketiga.

Menurutnya, jika sesebuah syarikat pengangkutan itu menjalankan sendiri operasinya, masalah gaji rendah tidak akan timbul.